



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PEKELILING
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Tarikh : 11 April 2016

Bil: 4/2016

Ruj: UMS/PPI1.3.2/800-1/2/3

**GARIS PANDUAN
GERAN KOLABORASI PENYELIDIKAN DENGAN INSTITUSI LUAR**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan pemakaian Garis Panduan Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Senat Bil 3/2016 (Kali Ke-135) yang bersidang pada 31 Mac 2016 telah bersetuju mengesahkan Garis Panduan Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar.
- 2.2 Geran ini diwujudkan bagi mencapai objektif seperti berikut:
 - a. Untuk meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidikan
 - b. Untuk meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidik
 - c. Untuk meningkatkan jumlah MoA yang dikira dalam pencapaian MyRA UMS
 - d. Untuk meningkatkan peluang penerbitan dan keterlihatan UMS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- 2.3 Pembiayaan geran ini adalah untuk projek penyelidikan meliputi bidang asas yang dapat menyokong agenda strategik negara seperti berikut:
 - a. Sains Tulen (*Pure Science*)
 - b. Sains Gunaan (*Applied Science*)
 - c. Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
 - d. Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
 - e. Sains Sosial (*Social Science*)
 - f. Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
 - g. Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
 - h. Pertahanan dan Keselamatan (*Defense and Security*)

- 2.4 Senarai kolaborasi penyelidikan yang boleh dibuat adalah seperti berikut :
- Kerjasama dalam bidang penyelidikan
 - Kerjasama penerbitan
 - Perkongsian penggunaan kemudahan dan peralatan penyelidikan yang ada di UMS dan rakan MoA.
 - Pembangunan sumber manusia melalui latihan, sangkutan, praktikum dan perkongsian/pertukaran kepakaran.
 - Pembangunan usahawan dan pengkomersilan.
 - Kerjasama penganjuran aktiviti persidangan, seminar, bengkel dan lain-lain
 - Kerjasama lain yang menguntungkan kedua-dua belah pihak dari semasa ke semasa.
- 2.5 Jangka masa kolaborasi penyelidikan maksimum adalah selama 3 tahun sahaja.
- 2.6 Siling peruntukan yang dipohon akan diluluskan berdasarkan keperluan dan sasaran hasil kerjasama yang dijanjikan. Siling peruntukan adalah seperti berikut :

PERINGKAT KOLABORASI PENYELIDIKAN	SILING PERUNTUKAN (RM)
Peringkat Kebangsaan	RM 70,000.00
Peringkat Antarabangsa	RM 200,000.00

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara berikut:
- Dokumen Garis Panduan Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar,
 - Borang Permohonan Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar (Kod Rujukan Borang GKP/PPI/1)
 - Borang Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan (Kod Rujukan Borang UMS/GKP/R2)
 - Borang Laporan Akhir Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar (Kod Rujukan Borang UMS/PPI/R4)
- 3.2 Garis panduan ini boleh juga dimuat turun melalui laman web Pusat Penyelidikan dan Inovasi di url **<http://www.ums.edu.my/ppiv2>**
- 3.3 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini bolehlah menghubungi Seksyen Pengurusan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan dan Inovasi.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Senat Bil 3/2016 (Kali Ke-135) iaitu pada **31 Mac 2016** .

Sekian, terima kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



PROFESOR DR. SHAHRIL BIN YUSOF

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Tarikh : 11 April 2016

s.k : Naib Canselor
Pendaftar
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Fail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
GERAN KOLABORASI PENYELIDIKAN DENGAN
INSTITUSI LUAR**

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	3
1.2	Tujuan	3
1.3	Bidang Penyelidikan	3
1.4	Jenis Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar	3
1.5	Tempoh Kolaborasi Penyelidikan	4
1.6	Siling Peruntukan	4

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN

2.1	Syarat Dan Kriteria Permohonan	5
2.2	Kaedah Permohonan	5

BAHAGIAN 3 : KELULUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN	6
---	----------

BAHAGIAN 4 : PERATURAN KEWANGAN	7-10
--	-------------

BAHAGIAN 5 : HASIL PENYELIDIKAN

5.1	Penerbitan	11
5.2	Harta Intelek Dan Pengkomersilan	11
5.3	Modal Insan	11

BAHAGIAN 6 : PEMANTAUAN DAN LAPORAN AKHIR

6.1	Implementasi Projek	12
6.2	Kemajuan Projek	12
6.3	Laporan Akhir	12

BAHAGIAN 7 : LAIN-LAIN	13
-------------------------------	-----------

Lampiran 1

Borang Permohonan

Lampiran 2

Borang Laporan Kemajuan Projek

Lampiran 3

Borang Laporan Akhir

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Garis Panduan Geran Kolaborasi Penyelidikan dengan Institusi Luar ini diwujudkan sebagai panduan kepada Fakulti/Institut dalam membuat kolaborasi penyelidikan dengan institusi luar.

Garis panduan ini hendaklah dirujuk bersama dengan Pekeliling Pendaftar Bil. 10/2012: Garis Panduan Pengurusan Jalinan Kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Agensi Luar.

1.2 TUJUAN

Geran ini diwujudkan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- a. Untuk meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidikan
- b. Untuk meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidik
- c. Untuk meningkatkan jumlah MoA yang dikira dalam pencapaian MyRA UMS
- d. Untuk meningkatkan peluang penerbitan dan keterlihatan UMS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

1.3 BIDANG PENYELIDIKAN

Pembiayaan geran ini adalah untuk projek penyelidikan meliputi bidang asas yang dapat menyokong agenda strategik negara seperti berikut:

- a. Sains Tulen (*Pure Science*)
- b. Sains Gunaan (*Applied Science*)
- c. Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
- d. Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
- e. Sains Sosial (*Social Science*)
- f. Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
- g. Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
- h. Pertahanan dan Keselamatan (*Defense and Security*)

1.4 JENIS KOLABORASI PENYELIDIKAN DENGAN INSTITUSI LUAR

Senarai kolaborasi penyelidikan yang boleh dibuat adalah seperti berikut :

- a. Kerjasama dalam bidang penyelidikan
- b. Kerjasama penerbitan
- c. Perkongsian penggunaan kemudahan dan peralatan penyelidikan yang ada di UMS dan rakan MoA.
- d. Pembangunan sumber manusia melalui latihan, sangkutan, praktikum dan perkongsian/pertukaran kepakaran.
- e. Pembangunan usahawan dan pengkomersilan.
- f. Kerjasama penganjuran aktiviti persidangan, seminar, bengkel dan lain-lain
- g. Kerjasama lain yang menguntungkan kedua-dua belah pihak dari semasa ke semasa.

1.5 TEMPOH KOLABORASI PENYELIDIKAN

Jangka masa kolaborasi penyelidikan maksimum adalah selama 3 tahun sahaja.

1.6 SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan yang dipohon akan diluluskan berdasarkan keperluan dan sasaran hasil kerjasama yang dijanjikan. Siling peruntukan adalah seperti berikut :

PERINGKAT KOLABORASI PENYELIDIKAN	SILING PERUNTUKAN (RM)
Peringkat Kebangsaan	RM 70,000.00
Peringkat Antarabangsa	RM 200,000.00

BAHAGIAN 2 : PERMOHONAN

2.1 SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

- 2.1.1 Geran ini dibuka kepada semua fakulti/institut.
- 2.1.2 Bagi Fakulti/Institut yang pernah membuat Memorandum Persefahaman (MoU) dengan institusi luar, Fakulti/Institut hendaklah mengenalpasti rakan MoU yang berminat untuk menjalin kerjasama penyelidikan. Seterusnya, Memorandum Persefahaman (MoU) tersebut perlu ditukar kepada Memorandum Perjanjian (MoA).
- 2.1.3 Rakan MoA yang dipilih hendaklah bersetuju untuk menyumbang jumlah dana (*dollar to dollar*) yang sama dengan jumlah wang yang telah disalurkan oleh pihak UMS.
- 2.1.4 Fakulti/Institut hendaklah memastikan institusi luar/rakan MOA yang dipilih mematuhi dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

2.2 KAEDAH PERMOHONAN

- 2.2.1 Ketua Projek yang dilantik oleh Dekan/Ketua di Fakulti/Institut hendaklah mengemukakan permohonan menggunakan borang yang disediakan. Permohonan tersebut hendaklah dikepikan bersama dengan kertas cadangan mengikut format seperti berikut :
 - a. Tajuk
 - b. Latar belakang
 - c. Tujuan kolaborasi penyelidikan dibuat
 - d. Maklumat berkenaan institusi yang dicadangkan
 - e. Justifikasi pemilihan institusi berkenaan
 - f. Senarai orang yang terlibat bagi kedua-dua belah pihak dalam kolaborasi penyelidikan ini
 - g. Bidang kerjasama
 - h. Faedah/Impak kepada Universiti
 - i. Anggaran belanjawan bagi kolaborasi penyelidikan tersebut
 - j. Tempoh kerjasama penyelidikan
 - k. Senarai cadangan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang perjanjian kolaborasi penyelidikan berkuatkuasa
 - l. Jangkaan hasil (Penerbitan, Modal Insan, Harta Intelek & Pengkomersilan, Anugerah dan lain-lain)
 - m. Pegawai bertanggungjawab/Penyelaras bagi kedua-dua belah pihak (maklumat mesti lengkap)
 - n. Syor
- 2.2.2 Semua permohonan hendaklah disokong dan diperakukan oleh Dekan/Pengarah di Fakulti/Institut masing-masing.

BAHAGIAN 3 : KELULUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 3.1 Pihak PPI akan meluluskan peruntukan geran penyelidikan berdasarkan keperluan dan sasaran hasil kerjasama yang dijanjikan.
- 3.2 Walaupun mendapat kelulusan peruntukan geran penyelidikan daripada pihak PPI, Fakulti/Institut hendaklah mengemukakan permohonan kolaborasi penyelidikan dengan institusi luar kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Jalinan Kerjasama (JPPJK) UMS sepertimana dalam Pekeliling Pendaftar Bil. 10/2012 : Garis Panduan Pengurusan Jalinan Kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Agensi Luar.
- 3.3 Kelulusan peruntukan geran penyelidikan daripada pihak PPI adalah terbatal secara automatik sekiranya permohonan untuk membuat kolaborasi penyelidikan dengan institusi luar (MoA) tidak diluluskan oleh Senat dan Lembaga Pengurusan Universiti (LPU).
- 3.4 Fakulti/Institut hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan membuat jalinan kerjasama yang diluluskan oleh Senat dan LPU, salinan MoA yang telah ditandatangani dan borang permohonan pembukaan Akaun Amanah kepada pihak Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) untuk proses penyaluran peruntukan geran penyelidikan.
- 3.5 Akaun Amanah hendaklah dibuka dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh surat tawaran geran penyelidikan dikeluarkan oleh PPI.

BAHAGIAN 4 : PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Kesemua perbelanjaan di bawah geran ini hendaklah dibuat mengikut peraturan kewangan universiti dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa.
- 4.2 Semua perbelanjaan yang digunakan sepanjang kolaborasi penyelidikan ini ditanggung sepenuhnya oleh institusi masing-masing (cthnya : kos bagi penyelidik atau pelajar pascasiswazah UMS yang terlibat dalam program sangkutan/pertukaran akan ditanggung sepenuhnya oleh UMS sepanjang tempoh penempatan di institusi rakan MoA).
- 4.3 Jenis-jenis perbelanjaan adalah seperti berikut :

Vot 11000 - Gaji dan upah

Gaji/Upah untuk pembantu penyelidik yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan sahaja. Pembantu Penyelidik hendaklah dilantik berdasarkan Garis Panduan Pelantikan Pembantu Penyelidik (RA)/Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA).

Perbelanjaan hendaklah **tidak melebihi 50%** daripada jumlah keseluruhan peruntukan.

Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan

Peruntukan hanya boleh digunakan untuk perjalanan yang berkaitan dengan projek penyelidikan dan keperluan-keperluan yang berkaitan sahaja contohnya untuk menghadiri persidangan, mengadakan persidangan, perjalanan ke tempat rakan MoA, mengambil sampel, melawat tapak kajian dan sebagainya. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomik dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi. Kelayakan hotel dan lain-lain elaun semasa menjalankan tugas di luar pejabat adalah seperti yang digariskan dalam Peraturan Kewangan UMS. Perbelanjaan untuk menghadiri persidangan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. **Tidak melebihi 10 %** dari jumlah peruntukan;
- b. Kertas penyelidikan yang dibentangkan mestilah hasil dapatan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran ini;
- c. Persidangan dalam negara hendaklah sekurang-kurangnya pembentangan poster sama ada oleh ketua penyelidik, ahli penyelidik bersama atau Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja dan diterbitkan sekurang-kurangnya dalam prosiding persidangan;
- d. Persidangan luar negara mestilah pembentangan secara lisan sama ada oleh ketua penyelidik atau ahli penyelidik bersama sahaja dan diterbitkan dalam penerbitan khas persidangan/jurnal berindeks berstatus SCOPUS/ISI/WOS/ERA. Penyertaan ke persidangan dalam/luar negara dibenarkan lebih dari sekali sekiranya peruntukan masih mencukupi;

- e. Permohonan menghadiri persidangan hendaklah dibuat mengikut Garis Panduan Persidangan UMS dan melalui Unit Pengurusan Persidangan, Seksyen Pentadbiran, PPI. Tuntutan perbelanjaan menghadiri persidangan yang tidak memenuhi syarat tidak akan dilayan.

Vot 23000 - Komunikasi dan Utiliti

Perbelanjaan komunikasi dan utiliti **berkaitan kerjasama penyelidikan sahaja** (Bil/prabayar telefon, Faks, Pos dll). Tuntutan untuk bil telefon (pra-bayar dan pasca-bayar) hendaklah disertai dengan bukti yang jelas dan sahih (cth: perincian bil telefon yang digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja). Justifikasi keperluan untuk menyewa WiFi atau modem juga perlu dikemukakan kepada pihak PPI sekiranya diperlukan. Penggunaan kaedah komunikasi yang paling ekonomik (cth: penggunaan e-mel berbanding dengan panggilan telefon) amatlah digalakkan.

Vot 24000 – Sewaan

Sewaan bangunan, peralatan, pengangkutan atau barangan lain yang terlibat langsung dengan penyelidikan diluluskan sekiranya kemudahan tersebut tidak terdapat di UMS atau rakan MOA. Sewa peralatan pejabat (seperti mesin fotokopi, mesin faks, printer dsb.) untuk tujuan operasi harian pejabat Fakult/Institut adalah tidak dibenarkan. Sekiranya terdapat keperluan untuk menyewa bangunan atau ruang secara bulanan (cth: *Greenhouse* di kawasan kajian dsb.), kelulusan bertulis dari Pengarah PPI hendaklah diperolehi sebelum perjanjian sewa dimeterai.

Vot 27000 - Bekalan dan bahan-bahan penyelidikan

Pembelian bekalan bahan pakai-habis (termasuklah haiwan, pokok dan benih) dan bahan penyelidikan termasuk peralatan kecil dan bekalan bernilai kurang dari RM 3,000.00. Perbelanjaan untuk membeli token atau saguhati berbentuk barangan runcit kepada responden kajian juga boleh menggunakan Vot ini. Pembelian komputer (desktop, laptop) adalah tidak dibenarkan kecuali bidang penyelidikan yang dijalankan ialah dalam bidang ICT (dan mendapat kelulusan bertulis daripada PPI). Pembelian perisian adalah dibenarkan bagi projek penyelidikan yang benar-benar memerlukan (dan mendapat kelulusan bertulis daripada PPI). Penyelidik UMS digalakkan menggunakan kemudahan sedia ada di institusi rakan MoA secara percuma.

Vot 28000 - Baikpulih kecil dan Ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baikpulih dan pengubahsuaian kecil terhadap ruang makmal dan peralatan sedia ada yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan. Ruang atau peralatan yang dimaksudkan tidak merangkumi ruang atau peralatan (cth: kereta, kamera, komputer dsb.) milik peribadi penyelidik atau pembantu penyelidik. Had perbelanjaan untuk tujuan ini hendaklah **tidak melebihi 20%** dari jumlah peruntukan.

Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

a. Perkhidmatan

Terhad kepada khidmat profesional yang tidak dapat dipenuhi oleh penyelidik bersama. Sekiranya keperluan khidmat profesional ini diperlukan secara berterusan untuk projek penyelidikan di bawah geran ini, maka penama berkenaan hendaklah dilantik sebagai penyelidik bersama.

Perkhidmatan seperti memproses data (kecuali yang memerlukan program komputer canggih yang tidak terdapat di UMS dan institusi rakan MoA) dan *proof reading* seboleh-bolehnya dijalankan oleh penyelidik bersama.

Perkhidmatan ini termasuklah:

- i. Bayaran analisis sampel
- ii. Percetakan
- iii. Honorarium/token/saguhati/bayaran enumerator adalah pada kadar bayaran yang munasabah dan tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan peruntukan. Tuntutan hendaklah dibuat dengan menggunakan akuan bayaran/bukti pembayaran. Bayaran enumerator tidak boleh dilakukan selama 3 bulan atau lebih secara berterusan.
- iv. Konsultasi
- v. Yuran penerbitan jurnal

b. Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis

Perkhidmatan khas ini adalah untuk ketua penyelidik, ahli penyelidik bersama atau Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja merangkumi kos:

- i. menghadiri kursus sekali sahaja dalam tempoh MoA ini;
- ii. program sangkutan jangka pendek untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Program sangkutan ini mestilah **tidak melebihi 3 bulan**. Keutamaan diberikan kepada program sangkutan di institusi rakan MoA.
- iii. Jumlah perbelanjaan hendaklah **tidak melebihi 10%** dari jumlah peruntukan.

Nota Penting

Sekiranya ada keperluan Perkhidmatan Ikhtisas yang tidak tersenarai di atas, Ketua Projek hendaklah memohon kebenaran secara bertulis dari Pengarah, PPI terlebih dahulu.

Vot 35000-Peralatan dan Aksesori

Hanya untuk pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk peningkatan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang dibenarkan. Anggaran harga perlu disertakan untuk kelulusan. Harga peralatan dan aksesori hendaklah **tidak melebihi RM 15,000.00** (bagi Bidang Sains) dan **RM 8,000.00** (bagi bidang bukan Sains). Aset yang dibeli menggunakan dana ini hendaklah didaftar (melalui sistem *i-aset*) sebagai aset PTJ dan PTJ berkenaan bertanggungjawab untuk menjaganya.

BAHAGIAN 5 : HASIL PENYELIDIKAN

5.1 PENERBITAN

5.1.1 Semua penyelidik mestilah menghasilkan penerbitan dalam jurnal berindeks dan berimpak yang diambil kira dalam MyRA iaitu SCOPUS, ERA, WOS.

5.1.2 Penerbitan dalam empat penerbit jurnal yang tidak diiktiraf oleh MYRA, TIDAK akan diambil kira sebagai hasil penyelidikan :

- i. *European Journal*
- ii. *Academic Journal*
- iii. *CG Publishing*
- iv. *African World Press*

5.1.3 Jumlah artikel yang perlu diterbitkan mengikut bidang adalah seperti berikut :

- i. Peruntukan sehingga RM 200,000.00 : Menghasilkan sekurang-kurangnya lima (5) artikel dalam Jurnal Berindeks ISI (diiktiraf oleh MyRA).
- ii. Peruntukan sehingga RM 70,000.00 : Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel dalam jurnal berindeks ISI (diiktiraf oleh MyRA).

5.2 HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSILAN

Menggalakkan hasil penyelidikan yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai Harta Intelek dan dikomersilkan.

5.3 MODAL INSAN

5.3.1 Peruntukan sehingga RM 200,000.00 : Satu (1) orang pelajar PhD atau dua (2) orang pelajar Sarjana.

5.3.2 Peruntukan sehingga RM 70,000.00 : Satu (1) orang pelajar Sarjana.

BAHAGIAN 6 : PEMANTAUAN DAN LAPORAN AKHIR

6.1 IMPLEMENTASI PROJEK

Semua projek kolaborasi penyelidikan yang diluluskan di bawah geran ini akan dipantau oleh Seksyen Penyelidikan, PPI dari aspek prestasi projek dan prestasi kewangan projek sahaja.

6.2 KEMAJUAN PROJEK

- 6.3.1 Ketua projek dikehendaki menghantar laporan kemajuan kolaborasi penyelidikan setiap 6 bulan menggunakan borang Laporan Prestasi Geran Kolaborasi Penyelidikan dengan Institusi Luar iaitu bagi tempoh Januari-Jun dan Julai-Disember.
- 6.3.2 Kegagalan untuk menghantar laporan kemajuan kerjasama penyelidikan sepertimana yang dijadualkan akan menyebabkan aktiviti kewangan akan disekat sehingga laporan kemajuan diperaku oleh PPI.
- 6.3.3 Sekiranya prestasi perbatuan (*milestone*) dan kewangan projek tidak selaras dengan perancangan projek yang telah dijanjikan tanpa justifikasi yang munasabah, pihak PPI berhak mengambil tindakan yang sewajarnya.

6.3 LAPORAN AKHIR

- 6.3.1 Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh akhir projek dengan menggunakan Borang Laporan Akhir Kerjasama Penyelidikan dengan Institusi Luar.
- 6.3.2 Sebarang transaksi kewangan selepas tempoh 3 bulan tarikh akhir projek ini tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN 7 : LAIN-LAIN

- 7.1 Sebarang permohonan untuk menukar ketua projek, menambah atau menggugurkan ahli projek hendaklah dipohon secara rasmi melalui surat.
- 7.2 Tidak ada sebarang kelulusan tambahan peruntukan dibenarkan di bawah geran ini.
- 7.3 Permohonan penyambungan kolaborasi penyelidikan dengan institusi luar hendaklah dikemukakan kepada pihak PPI selewat-lewatnya **6 bulan sebelum tarikh akhir projek** dengan menyertakan laporan kemajuan terkini projek dan justifikasi penyambungan kolaborasi penyelidikan.

LAMPIRAN 1

Kod Rujukan:

(Diisi oleh Urusetia)

**BORANG PERMOHONAN
GERAN KOLABORASI PENYELIDIKAN DENGAN
INSTITUSI LUAR**
RESEARCH COLLABORATION GRANT APPLICATION FORM



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tiga (3) salinan borang ini hendaklah dihantar ke Pejabat Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Tingkat 4, Blok Utara, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu
Three (3) copies of this form must be submitted to the Center for Research and Innovation office, Level 5, North Block, Chancellory Building, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu

[Borang yang tidak lengkap akan ditolak/Incomplete form will be rejected]

A	TAJUK PENYELIDIKAN YANG DICADANGKAN : TITLE OF PROPOSED RESEARCH:	
B	MAKLUMAT PENYELIDIK / DETAILS OF RESEARCHER	
B(i)	Nama Ketua Projek: Name of Project Leader:	No. Kad Pengenalan/Pasport: IC/Passport Number:
B(ii)	Fakulti/Pusat/Institut/Unit: Faculty/Centre/Institute/Unit:	
B(iii)	No. Telefon Pejabat: Office Telephone No.:	Handphone No.: No. Telefon Bimbit:
B(iv)	Alamat e-mel: E-mail Address:	
B(v)	Tarikh mula berkhidmat dengan Universiti ini: Date of first appointment with this University:	
B(vi)	Jenis Perkhidmatan [Sila tandakan (✓)]: Type of service [Please tick (✓)]: ☐ Tetap Permanent ☐ Kontrak (Nyatakan tarikh tamat kontrak): _____ Contract (State contract expiry date)	

B(vii)

Ahli-ahli penyelidik lain (Daripada UMS) :

Other researchers (from UMS) :

(Sila kepitkan curriculum vitae ringkas /Please include your brief curriculum vitae)

Bil. No.	Nama Name	No. Kad Pengenalan/ Pasport IC / Passport Number:	Faculty/ Pusat/ Institut/Unit Faculty/ Centre/ Institute/ Unit	Tahap Kelayakan Akademik/ Jawatan Academic Qualification/ Designation	Tandatangan Signature

B(viii)

Ahli-ahli penyelidik lain (Daripada Institusi Rakan Kolaborasi) :

Other researchers (from Collaboration Institution) :

(Sila kepitkan curriculum vitae ringkas /Please include your brief curriculum vitae)

Bil. No.	Nama Name	No. Kad Pengenalan/ Pasport IC / Passport Number:	Faculty/ Pusat/ Institut/Unit Faculty/ Centre/ Institute/ Unit	Tahap Kelayakan Akademik/ Jawatan Academic Qualification/ Designation	Tandatangan Signature

C	MAKLUMAT PENYELIDIKAN/RESEARCH INFORMATION																																				
C(i)	Bidang Penyelidikan [Sila tandakan (✓)]: <i>Research Area [Please tick (✓)]:</i> A. Sains Tulen/Pure Science <table border="0"> <tr> <td>☐ Kimia <i>Chemistry</i></td> <td>☐ Fizik <i>Physic</i></td> <td>☐ Biologi <i>Biology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Biokimia <i>Biochemistry</i></td> <td>☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i></td> <td>☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i></td> </tr> </table> B. Sains Gunaan/Applied Science <table border="0"> <tr> <td>☐ Kimia <i>Chemistry</i></td> <td>☐ Fizik <i>Physic</i></td> <td>☐ Biologi <i>Biology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i></td> <td>☐ Sains Komputer <i>Computer Science</i></td> <td>☐ Bioteknologi <i>Biotechnology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i></td> <td></td> <td></td> </tr> </table> C. Teknologi dan Kejuruteraan/Technology and Engineering <table border="0"> <tr> <td>☐ Mekanikal dan Pembuatan <i>Mechanical & Manufacturing</i></td> <td>☐ Elektrikal dan Elektronik <i>Electrical and Electronic</i></td> <td>☐ Awam <i>General</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Bahan dan Polimer <i>Material and Polymer</i></td> <td>☐ Kejuruteraan Kimia <i>Chemical Engineering</i></td> <td>☐ Teknologi Komunikasi & Informasi <i>Information & Communication Technology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Tenaga <i>Energy</i></td> <td>☐ Pengangkutan <i>Transportation</i></td> <td></td> </tr> </table> D. Sains Kesihatan dan Klinikal/Clinical and Health Sciences <table border="0"> <tr> <td>☐ Sains Perubatan Asas <i>Basic Medical Sciences</i></td> <td>☐ Farmasi <i>Pharmacy</i></td> <td>☐ Farmakologi <i>Pharmacology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Mikrobiologi Perubatan <i>Medical Microbiology</i></td> <td>☐ Parasitologi <i>Parasitology</i></td> <td>☐ Pathologi <i>Pathology</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Perubatan Pencegahan Masyarakat <i>Community Medical Prevention</i></td> <td>☐ Klinikal Surgikal <i>Clinical Surgical</i></td> <td>☐ Klinikal Medikal <i>Clinical Medical</i></td> </tr> <tr> <td>☐ Sains Kesihatan Bersekutu <i>Associate Health Science</i></td> <td>☐ Pergigian <i>Dental</i></td> <td>☐ Sains Kejururawatan <i>Nursing Science</i></td> </tr> </table>	☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>	☐ Biokimia <i>Biochemistry</i>	☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>	☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>	☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>	☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>	☐ Sains Komputer <i>Computer Science</i>	☐ Bioteknologi <i>Biotechnology</i>	☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>			☐ Mekanikal dan Pembuatan <i>Mechanical & Manufacturing</i>	☐ Elektrikal dan Elektronik <i>Electrical and Electronic</i>	☐ Awam <i>General</i>	☐ Bahan dan Polimer <i>Material and Polymer</i>	☐ Kejuruteraan Kimia <i>Chemical Engineering</i>	☐ Teknologi Komunikasi & Informasi <i>Information & Communication Technology</i>	☐ Tenaga <i>Energy</i>	☐ Pengangkutan <i>Transportation</i>		☐ Sains Perubatan Asas <i>Basic Medical Sciences</i>	☐ Farmasi <i>Pharmacy</i>	☐ Farmakologi <i>Pharmacology</i>	☐ Mikrobiologi Perubatan <i>Medical Microbiology</i>	☐ Parasitologi <i>Parasitology</i>	☐ Pathologi <i>Pathology</i>	☐ Perubatan Pencegahan Masyarakat <i>Community Medical Prevention</i>	☐ Klinikal Surgikal <i>Clinical Surgical</i>	☐ Klinikal Medikal <i>Clinical Medical</i>	☐ Sains Kesihatan Bersekutu <i>Associate Health Science</i>	☐ Pergigian <i>Dental</i>	☐ Sains Kejururawatan <i>Nursing Science</i>
☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>																																			
☐ Biokimia <i>Biochemistry</i>	☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>	☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>																																			
☐ Kimia <i>Chemistry</i>	☐ Fizik <i>Physic</i>	☐ Biologi <i>Biology</i>																																			
☐ Matematik dan Statistik <i>Mathematics and Statistics</i>	☐ Sains Komputer <i>Computer Science</i>	☐ Bioteknologi <i>Biotechnology</i>																																			
☐ Sains Bahan <i>Materials Science</i>																																					
☐ Mekanikal dan Pembuatan <i>Mechanical & Manufacturing</i>	☐ Elektrikal dan Elektronik <i>Electrical and Electronic</i>	☐ Awam <i>General</i>																																			
☐ Bahan dan Polimer <i>Material and Polymer</i>	☐ Kejuruteraan Kimia <i>Chemical Engineering</i>	☐ Teknologi Komunikasi & Informasi <i>Information & Communication Technology</i>																																			
☐ Tenaga <i>Energy</i>	☐ Pengangkutan <i>Transportation</i>																																				
☐ Sains Perubatan Asas <i>Basic Medical Sciences</i>	☐ Farmasi <i>Pharmacy</i>	☐ Farmakologi <i>Pharmacology</i>																																			
☐ Mikrobiologi Perubatan <i>Medical Microbiology</i>	☐ Parasitologi <i>Parasitology</i>	☐ Pathologi <i>Pathology</i>																																			
☐ Perubatan Pencegahan Masyarakat <i>Community Medical Prevention</i>	☐ Klinikal Surgikal <i>Clinical Surgical</i>	☐ Klinikal Medikal <i>Clinical Medical</i>																																			
☐ Sains Kesihatan Bersekutu <i>Associate Health Science</i>	☐ Pergigian <i>Dental</i>	☐ Sains Kejururawatan <i>Nursing Science</i>																																			

E. Sains Sosial/Social Sciences

☐ Antropologi
Anthropology

☐ Psikologi
Psychology

☐ Sosiologi
Sociology

☐ Sains Politik
Political Science

☐ Pengurusan dan Perniagaan
Management and Business

☐ Geografi
Geography

☐ Ekonomi
Economic

☐ Ekologi Manusia
Human Ecology

☐ Komunikasi
Communication

F. Sastera dan Sastera Ikhtisas/Arts and Applied Arts

☐ Bahasa dan Linguistik
Language and Linguistic

☐ Kesusasteraan
Literature

☐ Agama
Religion

☐ Falsafah
Philosophy

☐ Tamadun
Civilization

☐ Sejarah
History

☐ Seni
Art

☐ Budaya
Culture

☐ Pendidikan
Education

☐ Dasar dan Undang-undang
Principle and Law

☐ Alam Bina-
Aspek Kemanusiaan
Built Environment

☐ Alam Sekitar-
Aspek Kemanusiaan
Environment

G. Sains Tabii dan Warisan Negara/Natural Sciences and National Heritage

☐ Alam Sekitar
Environment

☐ Perhutanan
Forestry

☐ Pertanian
Argiculture

☐ Marin
Marine

☐ Arkeologi
Archaeology

☐ Geologi
Geology

☐ Ethnografi
Ethnography

☐ Alam Bina (Aspek Warisan)
*Built Environment
(Heritage Aspect)*

☐ Budaya
Culture

☐ Kepelbagaian Biologi
Various Biology

C(ii) **Tempat penyelidikan dijalankan:**
Location of research:

D	KEMUDAHAN SEDIA ADA UTUK KEGUNAAN BAGI PENYELIDIKAN INI (ACCESS TO EQUIPMENT AND MATERIAL)																																																																
	<table><tr><th>BIL. No.</th><th>PERALATAN <i>Equipment</i></th><th>TEMPAT <i>Location</i></th></tr><tr><td></td><td>Contoh/Example : HRTEM GCMS</td><td>UNIMAS UMS</td></tr><tr><td>1.</td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr></table>	BIL. No.	PERALATAN <i>Equipment</i>	TEMPAT <i>Location</i>		Contoh/Example : HRTEM GCMS	UNIMAS UMS	1.																																																									
BIL. No.	PERALATAN <i>Equipment</i>	TEMPAT <i>Location</i>																																																															
	Contoh/Example : HRTEM GCMS	UNIMAS UMS																																																															
1.																																																																	

E	BELANJAWAN/BUDGET				
	Sila nyatakan anggaran bajet bagi cadangan penyelidikan ini dan berikan butir – butir perbelanjaan lengkap dengan berpandukan kepada garis panduan yang dilampirkan. <i>Please indicate your estimated budget for this research and details of expenditure according to the guidelines attached.</i>				
	Butiran belanjawan <i>Budget details</i>	Jumlah yang dipohon <i>Amount requested by applicant</i>			
		Tahun 1 <i>Year 1</i> (RM)	Tahun 2 <i>Year 2</i> (RM)	Tahun 3 <i>Year 3</i> (RM)	Jumlah <i>Total</i> (RM)
E(i)	Vot 11000 - Upah dan Elaun bagi Pembantu Penyelidik sahaja <i>Salary and wages</i>				
E(ii)	Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan <i>Travelling and Transportation</i>				
E(iii)	Vot 23000 - Komunikasi & Utiliti (Telefon, Faks, Pos dll.) <i>Communication & Utilities</i> <i>(Phone, Fax, Postage etc.)</i>				
E(iv)	Vot 24000 - Sewaan <i>Rental</i>				
E(v)	Vot 27000 - Research Materials & Supplies <i>Bekalan dan Bahan Penyelidikan</i>				
E(Vi)	Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas <i>Professional Services</i>				
	JUMLAH KESELURUHAN (RM) : <i>TOTAL AMOUNT (RM):</i>				

F	PERAKUAN PEMOHON [SILA TANDAKAN (✓)]: DECLARATION BY APPLICANT [PLEASE TICK (✓)]: Saya dengan ini mengaku bahawa: <i>I hereby declare that:</i> ☐ 1. Semua maklumat yang diisi adalah benar, UMS berhak menolak permohonan atau membatalkan tawaran pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar. <i>All information stated here are accurate, UMS has the right to reject or to cancel the offer without prior notice if there is any inaccurate information given.</i> ☐ 2. Permohonan projek penyelidikan ini dikemukakan untuk memohon peruntukan di bawah Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar <i>This research project application is presented for the Research Collaboration Grant.</i> Tarikh : _____ Tandatangan Pemohon : _____ <i>Date :</i> _____ <i>Applicant's Signature :</i> _____ Saya dengan ini melampirkan [Sila tandakan(✓)]: <i>I hereby attach the [Please tick (✓)] :</i> ☐ 1. Borang dalam Tiga (3) Salinan <i>Three (3) Copies of This Form</i> ☐ 2. Curriculum Vitae (Ketua Projek dan ahli-ahli projek daripada UMS dan Institusi Rakan Kolaborasi) <i>Curriculum Vitae (Project leader and project members from UMS and Collaboration Institution)</i> ☐ 3. Carta Alir <i>Flow Chart</i> ☐ 4. Carta Gantt <i>Gantt Chart</i> ☐ 5. Milestone dan Tarikh <i>Milestone and Date</i>
----------	---

G	PERAKUAN DEKAN/PENGARAH FAKULTI/INSTITUT RECOMMENDED BY DEAN/DIRECTOR OF FACULTY/INSTITUTE Diperakukan [Sila tandakan (✓)]: Recommended [Please tick (✓)]: ☐ A. Sangat Disokong Highly Recommended ☐ B. Disokong Recommended ☐ C. Tidak Disokong (Sila nyatakan sebab) Not Recommended (Please specify reason) Ulasan: Comments: ----- ----- ----- ----- ----- ----- ----- Nama: Name: Tandatangan dan Cop: Signature & Stamp: Tarikh: Date:
----------	---

NOTA: SEMUA PERMOHONAN DIANGGAP SULIT. KEPUTUSAN JAWATANKUASA INDUK GERAN KOLABORASI PENYELIDIKAN UMS DENGAN INSTITUSI LUAR ADALAH MUKTAMAD.

NOTE: APPLICATIONS SUBMITTED WILL BE TREATED IN FULL CONFIDENCE. THE DECISION OF THE UMS-UNIMAS RESEARCH COLLABORATION GRANT MAIN COMMITTEE IS FINAL.

LAMPIRAN 2



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
Aras 4, Blok Utara, Bangunan Canselor
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-320 393, Faks : 088-320127
Emel : ric@ums.edu.my

BORANG GERAN KOLABORASI PENYELIDIKAN DENGAN INSTITUSI LUAR LAPORAN KEMAJUAN PROJEK PENYELIDIKAN

PROGRESS REPORT FOR RESEARCH PROJECT

A. BUTIRAN PROJEK KERJASAMA PENYELIDIKAN (Research Collaboration Project Details)

TAJUK PENYELIDIKAN <i>Research Title</i>	:			
KOD PROJEK PENYELIDIKAN <i>Project Code of Research</i>	:			
NAMA KETUA PROJEK <i>Project Leader Name</i>	:			
FAKULTI/INSTITUT <i>Faculty/Institute</i>	:			
TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN <i>Project Research Duration</i>	:	_____ Bulan Months	Mula: _____ From	Tamat: _____ To
LAPORAN PRESTASI BAGI <i>For Milestone</i>	:	☐ Januari – Jun January - June	☐ Julai – Disember July - December	TAHUN: _____ Year

B. PRESTASI PROJEK KERJASAMA PENYELIDIKAN (Research Collaboration Project Achievement)

PERATUS PENCAPAIAN PERBATUAN (Milestone Achievement Percentage)

Prestasi berdasarkan perbatuan yang dicapai sehingga kini (Project progress according to milestones achieved up to this period)		0 - 25%	26 - 50%	51 - 75%	76 - 100%
Peratus (Percentage)					
Bil. No.	Butiran Perbatuan Milestone	Tarikh Cadangan Perbatuan Planned Milestone Date (MM/YY)	Pencapaian Perbatuan Achieve Milestone (Yes/No)	Tarikh Pencapaian Sebenar Perbatuan Actual Completion (MM/YY)	

HASIL PENYELIDIKAN (Research Output)

Jumlah artikel/manuskrip/Buku <i>(Number of articles/ manuscripts/ books)</i> <i>* Please attach the First Page of Publication</i>	Jurnal berwasit <i>Refereed Journal</i>		Jurnal tidak berwasit <i>Non-refereed Journal</i>
Prosiding Persidangan <i>(Conference Proceeding)</i> <i>* Please attach the First Page of Publication</i>	International		National
Harta Intelek <i>(Intellectual Property), Please specify</i>			
Anugerah/Lain-lain (sila jelaskan) <i>Awards/Others (Please specify)</i>			
Aktiviti: <i>Activities</i> Persidangan/Kursus/Seminar/Symposium/Bengkel/Lawatan/Pertandingan <i>(Conference/Course/Seminar/Symposium/Workshop/Site Visit/Competition)</i> <i>*Sila lampirkan maklumat senarai penyelidik dan peserta yang terlibat dengan aktiviti tersebut.</i> <i>* Please attach the copies of presented Papers or other related documents</i>	Kebangsaan <i>National</i>		
	Tajuk <i>Title</i>	Tarikh & Tempat <i>Date & Venue</i>	Penganjur <i>Organizer</i>
	Antarabangsa <i>International</i>		
	Tajuk <i>Title</i>	Tarikh & Tempat <i>Date & Venue</i>	Penganjur <i>Organizer</i>

PEMBANGUNAN MODAL INSAN (Human Capital Development)

Modal Insan <i>(Human Capital)</i> <i>* Please attach a copy of student offer letter for admission from Centre for Postgraduate Studies</i>	Jumlah (Number)				Lain-lain <i>(Others)</i> <i>please specify</i>
	Sedang aktif pengajian <i>(On-going)</i>		Telah bergraduati <i>(Graduated)</i>		
Kewarganegaraan (Citizen)	Malaysian	Non Malaysian	Malaysian	Non Malaysian	
Pelajar PhD (PhD Student)					
Pelajar Sarjana (Master Student)					
Pelajar Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate Student)					
Keseluruhan (Total)					

C. PERBELANJAAN (Expenditure)

Peruntukan diluluskan (Budget Approved)
Jumlah Perbelanjaan (Amount Spent) : RM
 : RM
Baki (Balance) : RM _____
Peratus Perbelanjaan
(Percentage of Amount Spent) : _____ %

D. RINGKASAN PENEMUAN PROJEK KERJASAMA PENYELIDIKAN *(Summary of Research Findings)***E. MASALAH/KEKANGAN SEKIRANYA ADA** *(Problems/Constraints If Any)***F. CADANGAN PENYELESAIAN** *(Proposed Solution)*Tarikh :
DateTandatangan Ketua Projek :
Project Leader Signature**G. KOMEN, (SEKIRANYA ADA) PENGESAHAN OLEH PENGARAH, PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI**
*(Comments, (if any) Endorsement by Director, Centre for Research and Innovation)*Tarikh:
DateTandatangan:
Signature

LAMPIRAN 3



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-320 393, Faks : 088-320127
Emel : ric@ums.edu.my

BORANG R4
LAPORAN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN
FINAL REPORT FOR RESEARCH PROJECT

A. BUTIRAN PENYELIDIK *Details of Researcher*

KETUA PROJEK :
Project Leader
FAKULTI/PUSAT/INSTITUT/UNIT :
Faculty/Centre/Institute/Unit
EMEL; SAMB.; HP; FAKS :
Email; Ext; Hp; Fax
PENYELIDIK BERSAMA :
Project Member

B. BUTIRAN PROJEK PENYELIDIKAN *Research Project Details*

JENIS GERAN PENYELIDIKAN :
Type of Research Grant
TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN :
Research Title
KOD PROJEK PENYELIDIKAN :
Project Code
TEMPOH PROJEK : _____ **Bulan** **Mula:** _____ **Tamat:** _____
Project Duration *Months* *From* *To*
PERLANJUTAN TEMPOH (Jika ada) : _____ **Bulan** **Mula:** _____ **Tamat:** _____
Project Duration Extension (If any) *Months* *From* *To*

C. PERBELANJAAN *Expenditure*

Agihan Vot <i>Budget allocation</i>	V11000	V21000	V23000	V24000	V26000	V27000	V28000	V29000	V35000	Jumlah (RM)
Jumlah Perbelanjaan (RM) <i>Expenses (RM)</i>										
Baki (RM) <i>Balance (RM)</i>										

Peratus Perbelanjaan (*Percentage of Amount Spent*) : _____ %

Perincian Perolehan Aset *List of equipments purchased :*

**Please attached a copy of Asset's Registration Card*

Bil.	Nama Aset <i>Asset Name</i>	No. Siri Pendaftaran <i>Registration No.</i>	Tarikh Perolehan <i>Date of Purchase</i>	Harga Perolehan (RM) <i>Price (RM)</i>

D. PENCAPAIAN PROJEK *Project Achievement*

HASIL PENYELIDIKAN <i>Research Output</i>			
Jumlah Artikel/Manuskrip/Buku <i>(Number of articles/ manuscripts/ books)</i> <i>Please attach the full page of publication</i>	Jurnal berwasit <i>Refereed Journal</i>		Jurnal tidak berwasit <i>Non-Refereed Journal</i>
Aktiviti: <i>Activities</i> Persidangan/Kursus/Seminar/Symposium/Bengkel/Lawatan/Pertandingan <i>(Conference/Course/Seminar/Symposium/Workshop/Visit / Competition)</i> <i>* Please attach the copies of presented Papers or other related documents</i>	Kebangsaan <i>National</i>		
	Tajuk <i>Title</i>	Tarikh & Tempat <i>Date & Venue</i>	Penganjur <i>Organizer</i>
	Antarabangsa <i>International</i>		
	Tajuk <i>Title</i>	Tarikh & Tempat <i>Date & Venue</i>	Penganjur <i>Organizer</i>
Harta Intelek (Jika ada) <i>Intellectual Property (If any)</i>			
Anugerah/Lain-lain <i>Awards / Others</i>			

PEMBANGUNAN MODAL INSAN <i>(Human Capital Development)</i>					
Modal Insan <i>(Human Capital)</i>	Jumlah <i>(Number)</i>				Catatan : Penghasilan Tesis Pelajar Pascasiswazah <i>Thesis Information</i> (Sediakan dalam lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi) <i>Provide attachment if insufficient space</i>
	Sedang aktif pengajian <i>(On-going)</i>		Telah bergraduasi <i>(Graduated)</i>		
Kewarganegaraan <i>(Citizen)</i>	<i>Malaysian</i>	<i>Non Malaysian</i>	<i>Malaysian</i>	<i>Non Malaysian</i>	
Pelajar PhD <i>(PhD Student)</i>					Tajuk tesis (Title) : Nama Pelajar (Name) No. Pelajar (Matrik No.) No. Kad Pengenalan/No. Paspot (I/C No./ Passport No.) Tahun Graduasi (Year graduated)
Pelajar Sarjana <i>(Master Student)</i>					Tajuk tesis (Title) : Nama Pelajar (Name) No. Pelajar (Matrik No.) No. Kad Pengenalan/No. Paspot (I/C No./ Passport No.) Tahun Graduasi (Year graduated)
Pelajar Ijazah Sarjana Muda <i>(Undergraduate Student)</i>					Tajuk tesis (Title) : Nama Pelajar (Name) No. Pelajar (Matrik No.) No. Kad Pengenalan/No. Paspot (I/C No./ Passport No.) Tahun Graduasi (Year graduated)

E. RINGKASAN PROFIL PENYELIDIKAN *Profile Summary of Research*

1. Disediakan dalam lampiran berasingan seperti Lampiran R4-1
Provided in a separate appendix as Lampiran R4-1
2. Dalam versi Bahasa Inggeris. Disediakan dalam bentuk CD (soft copy) dan 2 salinan 'hard copy' (Cetakan kulit keras) dan dihantar kepada Urusetia Penyelidikan, PPI
English version. Prepared in CD (soft copy) and 3 set of Hard Cover Printed (hard copy) and submit to the Research Secretariate of PPI

Tandatangan Ketua Projek :
Signature

Tarikh :
Date

F. KOMEN DAN PENGESAHAN OLEH DEKAN/PENGARAH FAKULTI/PUSAT/INSTITUT/UNIT

Comments and Endorsement by Dean/Director

Tandatangan dan Cop :
Signature & Stamp

Tarikh :
Date

G. KOMEN DAN PENGESAHAN OLEH PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Comments and Endorsement by Centre for Research and Innovation

Tandatangan dan Cop :
Signature

Tarikh :
Date

FORMAT PROFIL PENYELIDIKAN*Research Profile Format*

- i) Dalam versi Bahasa Inggeris. Disediakan dalam bentuk CD (soft copy) dan 3 salinan 'hard copy' (Cetakan kulit keras) dan dihantar kepada Urusetia Penyelidikan, PPI
English version. Prepared in CD (soft copy) and 2 set of Hard Cover Printed (hard copy) and submit to the Research Secretariate of PPI
- ii) Laporan tidak melebihi lima (5) muka surat bagi setiap satu projek penyelidikan dan perlu disertakan gambar berkaitan projek penyelidikan.
Not more than 5 pages and attached with related research photo
- iii) Jenis dan saiz tulisan: *Tajuk Title* – Arial, 13
Style and Font Size *Isi kandungan Content* – Arial, 11
- iv) Template :-

TITLE OF RESEARCH

Name of Project Leader

Name of co-researchers

IPTA/ Faculty /Centre/Institute/Unit

E-mail

Field

ABSTRACT (120 words)

.....

.....

1. INTRODUCTION

.....

.....

2. RESEARCH METHODOLOGY

.....

.....

3. LITERATURE REVIEW

.....

.....

4. FINDINGS

.....

.....

5. CONCLUSION

.....

.....

ACHIEVEMENT

- i) Name of articles/ manuscripts/ books published
- ii) Title of Paper presentations (international/ local)
- iii) Human Capital Development
- iv) Awards/ Others
- v) Others

REFERENCES

- [1]
- [2]

APPENDIXES

Copies of Publication (Journal;Book Cover;etc.)

Picture related to the research project